

Kenyataan Maklumbalas Daripada Pihak Universiti Malaya mengenai Aduan di Media bertajuk 'UM seek students' academic freedom' Akhbar The Sun bertarikh 8 April 2014 m/s 8

Maklumbalas pihak Universiti Malaya adalah seperti berikut:

i) Telah Memutuskan Progresif Universiti Malaya bukanlah satu badan pelajar yang berdaftar dengan Universiti Malaya dan tidak diiktiraf. Sehubungan dengan itu, 6 tuntutan tersebut tidak perlu dijawab secara rasmi oleh universiti.

ii) Mengenai kenyataan rasmi oleh YDP Persatuan Undang-undang, pihak universiti telah memaklumkan bahawa permohonan menjalankan aktiviti Law Career Convention (LCC) telah dipohon pada 8 Januari 2014 dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) pada 15 Januari 2014. Kertas Kerja yang dikemukakan dalam permohonan tersebut tidak ada menyatakan tentang Lecture Series yang akan disampaikan oleh Dato' Ambiga. Kelulusan menjalankan aktiviti hanyalah untuk aktiviti seperti dalam kertas kerja yang dikemukakan sahaja.

iii) Pihak Persatuan Undang-undang telah memohon untuk memasukkan aktiviti Lecture Series yang akan disampaikan oleh Dato' Ambiga di dalam program LCC hanya pada 25 Mac 2014, iaitu 4 hari sebelum LCC. Setelah perbincangan dan pertimbangan yang sewajarnya, BHEP UM telah menolak permohonan tersebut atas sebab aktiviti ini tidak termasuk dalam program yang telah dirancang dan diluluskan pada 15 Januari 2014. Di samping itu, Program Lecture Series anjuran Persatuan Undang-Undang adalah merupakan suatu program yang berlainan dari LCC. Ia memerlukan kelulusan berasingan dan perlu mematuhi prosedur permohonan kelulusan kegiatan yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

iv) BHEP UM dalam membuat keputusan tersebut, telah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut;

- a. Penceramah yang dijemput ialah seorang yang mempunyai kontroversi semasa
- b. Penganjur tidak dapat memberi jaminan dan tidak dapat memastikan penceramah yang dijemput tidak akan membincangkan perkara yang non-akademik dan topik yang tidak sewajarnya.

v) BHEP UM setelah mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya telah membuat keputusan untuk menolak permohonan tersebut bagi mengelakkan mana-man pihak yang berkepentingan mengambil kesempatan atas perkara tersebut dan demi kebaikan LCC itu sendiri serta demi kepentingan dan kesejahteraan universiti secara amnya.

4. Pihak BHEP UM berhak untuk membuat keputusan yang dirasakan wajar bagi memastikan keharmonian kampus sentiasa terjamin secara keseluruhannya, yang mana perkara ini mungkin tidak dapat dilihat penting oleh sesebuah badan pelajar atau sesuatu pihak sahaja.

Sekian, terima kasih.

Universiti Malaya